



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA MPSP**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN PERTANDINGAN
MELUKIS MURAL SEKOLAH MENENGAH**

27 MAC 2018 (SELASA)

9.30 PAGI

**AUDITORIUM MPSP
MENARA MPSP, BANDAR PERDA
BUKIT MERTAJAM**

Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hj Rosnani bt Hj Mahmod

Setiausaha Perbandaran

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Douglas Oh Aik Kim

District Govenor

Lion Clubs International District 308 B2 Malaysia

Ketua – Ketua Jabatan dan Pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Para Guru

**Para pelajar-pelajar yang mengambil bahagian dalam Pertandingan
Melukis Mural Sekolah Menengah**

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan Salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Pelancaran Pertandingan Melukis Mural Sekolah Menengah Anjuran Bersama MPSP dan Kelab Lion Daerah 308 B2 Malaysia.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kelab Lion Daerah 308 B2 Malaysia yang telah bekerjasama dengan MPSP menganjurkan majlis pada pagi ini.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

Untuk makluman para hadirin sekalian, Seberang Perai telah berjaya dengan satu pencapaian yang hebat di mana kadar kitar semula bagi keseluruhan Seberang Perai telah meningkat daripada 22% pada tahun 2008 kepada 43.25% pada tahun 2017. Kadar kitar semula ini, adalah beratan kitar semula dari pelbagai agensi seperti pusat kitar semula di kawasan perkampungan dan perumahan, kilang, NGO dan juga sekolah-sekolah di seluruh Seberang Perai.

Berdasarkan pencapaian tersebut, MPSP telah menetapkan sasaran untuk mencapai kadar kitar semula sebanyak 70% dan beratan sampah ke tapak pelupusan sampah dikurangkan sehingga 50% pada tahun 2022 dalam Pelan Strategi Seberang Perai 2018 – 2022. Kadar sampah yang dihasil perkapita didapati berkurang daripada 1.6kg/orang/hari pada tahun 2008 kepada 1.09kg/orang/hari pada tahun 2017. Justeru, MPSP telah menetapkan sasaran untuk mencapai penghasilan sampah perkapita pada tahap 0.85kg/orang/hari menjelang tahun 2022.

PENGHASILAN SAMPAH PERKAPITA

<u>TAHUN</u>	<u>kg/orang/hari</u>
2008	1.6
2015	1.3
2016	1.17
2017	1.09

Angka-angka ini merupakan satu sasaran yang tinggi dan hanya boleh dicapai sekiranya MPSP dan penduduk Seberang Perai bersama-sama berganding bahu mencapai matlamat ini.

Di antara langkah-langkah perancangan MPSP bagi mencapai sasaran ini adalah memperkenalkan MPSP *Smart Consumption Model* 8R. Intipati kepada MPSP *Smart Consumption Model* 8R ialah memaksimumkan kitar semula, meminimakan sisa lebihan, mengurangkan penggunaan dan memastikan setiap barangan yang dihasilkan boleh diguna semula, dibaiki, dikitar dan dikomposkan. Konsep 8R yang sentiasa saya war-warkan adalah:-

1. *Rethink (Be mindful of your consumption, your relationship with 'things' and your relationship with the Earth)*. Ianya mengajar kita membuat pembelian secara berhemah atau mengambil sekadar keperluan. Ini dapat mengelakkan pembaziran dari sisa tersebut berakhir di tapak pelupusan. MPSP telah mewar-warkan berhubung kitar semula dan dasar pengasingan sisa di punca dalam ceramah pengurusan sumber alam di sekolah-sekolah dan komuniti tempatan.
2. *Refuse (Don't consume what you don't need to)*. Kita sentiasa mempunyai pilihan. Jangan beli apa-apa yang tidak diperlukan. Sebagai contoh menolak penggunaan plastik kerana plastik merupakan sumber terbesar pencemaran alam. MPSP bersama badan swasta dan komuniti telah mengadakan Kempen

Pengurangan Penggunaan Bag Plastik dan menggalakkan pengunjung membawa bekas sendiri semasa pembelian.

3. *Reduce (Reduce consumption of energy and materials).*

Kurangkan jumlah sampah yang dihasilkan untuk dihantar ke tapak pelupusan sampah. Sebagai contoh pengurangan penggunaan barangan pakai buang seperti peralatan makan dan minum (*disposable utensils*); membeli produk yang tidak mempunyai pembungkusan yang terlalu banyak; dan memulakan kompos sampah. Antara program yang dilaksanakan adalah Kempen Makan Sampai Habis di mana dalam ceramah-ceramah MPSP di komuniti perumahan, para hadirin digalakkan untuk membawa pinggan dan gelas sendiri dan tidak meninggalkan apa-apa sisa makanan.

4. *Re-use (Share with others. Find new uses for old objects).*

Mulakan langkah mudah dalam pengurangan sisa. Contoh harian yang dapat kita lihat adalah mengamalkan penggunaan *reusable bag* ketika membeli-belah. Beg plastik bukan sahaja akan berakhir di tapak pelupusan, sebaliknya ia juga mungkin akan berakhir di dalam parit atau longkang yang bilamana tersumbat boleh menyebabkan banjir kilat. Di antara program yang dilaksanakan oleh MPSP adalah:

- a. Karnival '*upcycle*' di Autocity pada Sabtu pertama tiap-tiap bulan. Penyertaan untuk karnival ini adalah terbuka kepada individu serta pertubuhan tempatan. Tujuan karnival ini ialah untuk memberi peluang dan galakkan kepada individu atau pertubuhan tempatan bagi pemasaran produk '*upcycle*' dari bahan-bahan buangan. Ini juga mendidik orang awam supaya lebih kreatif dalam mengubah bahan-bahan buangan.

Selain itu, semasa pameran, komuniti juga dijemput untuk mengadakan jualan dan pertunjukan membuat produk '*upcycle*'. Sehingga kini terdapat enam (6) komuniti di Seberang Perai yang telah berjaya dalam penghasilan produk '*upcycle*' untuk tujuan jualan, iaitu Permatang Nibong, Taman Pandan, Penanti, Machang Bubok, Kepala Gajah dan Taman Cendarawasih.

- b. Promosi '*upcycle*' pada Ahad terakhir di Pasar Awam Kota Permai.
- c. Pertandingan sudut '*upcycle*' dan reka cipta kotak minuman di peringkat sekolah.

5. *Repair (Fix or upgrade your objects rather than throwing them away).* Tidak terus membuang barang-barangan yang rosak. Sebilangan barangan yang rosak boleh dibaiki dan digunakan semula. MPSP berkerjasama dengan Klinik Cure & Care dan Delta untuk mengumpul perabut terpakai untuk dibaiki.

6. *Re-gift (Share, and be a part of the gift company).* Barangan yang masih boleh digunakan dihadiahkan atau disumbangkan kepada pihak yang memerlukan. MPSP telah mewujudkan aktiviti pengumpulan barang permainan lama (*old toys*) di Ibu Pejabat MPSP untuk dibahagikan kepada orang yang memerlukan.

7. *Recover (Energy and materials recovery).* Rawatan bahan buangan untuk menjana tenaga. Tenaga yang dihasilkan oleh kaedah khas dan digunakan sebagai kuasa / tenaga. Antara program yang akan dan sedang dilaksanakan oleh MPSP adalah:-
 - a) Mewujudkan komuniti sisa sifar dan pengkomposan sisa.
 - b) Mencari pelabur berpotensi bagi program '*waste to energy*' sisa organik.
 - c) Pengumpulan minyak masak terpakai bagi biodiesel.

d) Anugerah tadahan air hujan sekolah-sekolah melalui Aqua Save PBA

8. *Recycle (Close the loop and remake)*. Cara dan kaedah dalam menjalankan kitar semula barang-barangan yang dibuang. Selain itu, mempraktikkan seni *upcycle*, barangan terbuang untuk dijadikan suatu barangan baharu, yang berkualiti, bernilai dan boleh digunakan. Malah, ianya boleh dijadikan sebagai punca sumber pendapatan yang lumayan. Program-program utama yang dianjurkan oleh MPSP adalah mewujudkan pusat kitar semula dan pertandingan kitar semula sekolah-sekolah.

Saya menyeru para hadirin sekalian dan amat mengalu-alukan kerjasama daripada semua rakyat Seberang Perai untuk menjadikan kitar semula sebagai satu amalan dalam budaya hidup seharian, agar bumi yang kita pinjam dari generasi akan datang ini, dapat dikembalikan kepada mereka seindah dan se hijau mungkin. Marilah kita menjadi '*environmental game changer*' ke arah mencapai Seberang Perai Rendah Karbon pada tahun 2022.

Tuan-tuan dan Puan-puan Yang Dihormati Sekalian,

Bersempena sambutan Hari Air Sedunia 2018 pada hari Khamis, 22 Mac 2018, MPSP telah mengambil langkah proaktif dengan

menyediakan satu Borang Aku Janji atas talian untuk penjimatan air. Borang ini akan dibuka untuk capaian selama sebulan dan boleh dicapai menerusi laman sesawang MPSP dan Laman Facebook MPSP. MPSP menjemput warga Seberang Perai untuk mengisi Borang Aku Janji dan berikrar untuk menjimatkan penggunaan air. Sehingga kini, seramai 132 orang telah menyatakan aspirasi dan harapan mereka mengenai masa depan sumber air di Seberang Perai dengan mengisi borang ini. Di kesempatan ini, saya ingin menjemput seluruh warga Seberang Perai yang masih belum mengisi borang tersebut, marilah sama-sama kita berganding bahu untuk mengisi boring tersebut dan berikrar untuk memelihara sumber air kita. Saya berharap dengan komitmen semua pihak, sasaran sebanyak 10,000 maklum balas dapat diperolehi menjelang 20 April 2018.

Tuan-tuan dan Puan-puan Yang Dihormati Sekalian,

Sekolah merupakan salah satu tempat (*venue*) di mana konsep 8R boleh dipraktikkan secara meluas. Saya percaya dalam peribahasa melayu “*melentur buluh biar dari rebungunya*”. Salah satu kaedah adalah melalui Pertandingan Melukis Mural Sekolah Menengah ini yang mana murid-murid akan didedahkan dengan mendalam berhubung konsep 8R.

Program seperti ini akan mendidik generasi pelapis masa akan datang supaya menjadikan aktiviti kitar semula dan juga '*upcycle*' sebagai satu amalan hidup. Pendekatan secara *holistic* dari peringkat anak-anak murid sama ada sekolah rendah dan menengah adalah penting untuk menjamin bumi kita ini dapat terus dipelihara. Konsistensi dalam pengamalan 8R ini dapat menjadikan sesebuah sekolah sebagai tempat melahirkan generasi yang menghargai dan menjaga alam sekitar.

Pertandingan Melukis Mural Sekolah Menengah yang dianjurkan bersama Kelab Lion Daerah 308 B2 adalah bertujuan untuk mewujudkan kesedaran konsep 8R dan kepentingan '*smart consumption*' bagi penjagaan alam sekitar demi masa hadapan di kalangan pelajar. '*Smart consumption*' merupakan satu elemen yang penting kerana semakin kurang sampah yang dihasilkan, maka kita dapat menjimatkan kos menguruskan sampah, menjaga alam sekitar dan memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sampah yang sedia ada iaitu di Pulau Burung.

Pertandingan melukis mural ini dibuka kepada sekolah menengah di Seberang Perai dan penyertaan dihadkan kepada 15 buah sekolah sahaja. Sekolah yang menyertai pertandingan ini adalah:

1. Sekolah Menengah Kebangsaan Berapit
2. Sekolah Menengah Kebangsaan Kampong Kastam
3. Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Syed Sheh Barabath
4. Sekolah Menengah Kebangsaan Seberang Jaya
5. Sekolah Menengah Kebangsaan Desa Murni
6. Sekolah Menengah Kebangsaan Telok Air Tawar
7. Sekolah Menengah Kebangsaan Guar Perahu
8. Sekolah Menengah Kebangsaan Permatang Tok Jaya
9. Sekolah Menengah Kebangsaan Pokok Sena
10. Sekolah Menengah Kebangsaan Permai Indah
11. Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Inderawasih
12. Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Perwira
13. Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Hj Ahmad Badawi
14. Sekolah Menengah Kebangsaan Convent, Bukit Mertajam
15. Sekolah Menengah Kebangsaan Saujana Indah

Syarat-syarat pertandingan adalah:-

1. Mural yang dilukis mestilah mempunyai logo MPSP dan logo Kelab Lion International.

2. Tema pertandingan melukis mural ini adalah Konsep 8R iaitu *Rethink, Refuse (Reject), Reduce, Reuse, Repair, Re-gift, Recover dan Recycle*.
3. Draf lukisan hendaklah dikemukakan kepada MPSP untuk semakan sebelum lukisan mural dibuat.
4. Lukisan mural hendaklah disiapkan pada 30 Mei 2018 manakala penilaian juri akan dibuat pada awal bulan Jun, 2018.

Kelab Lion Daerah 308 B2 Malaysia telah menaja cat untuk melukis mural dan juga hadiah-hadiah pertandingan seperti berikut:-

Johan : RM2,000.00

Naib Johan : RM1,000.00

Ketiga : RM 500.00

Saguhati : RM300.00 (2 hadiah)

Sijil penghargaan akan dianugerah kepada guru dan murid yang melakukan lukisan mural tertakluk kepada bilangan maksimum dua orang guru dan 10 orang murid bagi setiap sekolah yang mengambil bahagian.

Tuan-tuan dan Puan-puan Yang Dihormati Sekalian,

Sekali lagi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada para hadirin sekalian dan warga Seberang Perai dalam usaha membantu MPSP untuk menjaga Seberang Perai supaya lebih bersih dan cantik serta mempunyai penduduk yang sihat sejajar dengan *tagline* MPSP iaitu “**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan** ” atau “**Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow**”.

Saya seterusnya menyeru anak-anak dan semua yang hadir untuk menjadikan kitar semula sebagai satu amalan dalam budaya hidup seharian, agar bumi yang kita pinjam dari generasi akan datang ini, dapat dikembalikan kepada mereka seindah dan se hijau mungkin. Diharapkan dengan program Pertandingan Melukis Mural Sekolah Menengah ini, sedikit sebanyak dapat merealisasikan motto Negeri Pulau Pinang dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai “*Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang*”.

Akhir kata, terima kasih kepada rakyat yang telah menyokong semua usaha yang telah dibuat oleh MPSP selama ini dan menyeru penglibatan seluruh warga Seberang Perai untuk menyokong inisiatif-inisiatif yang direncanakan oleh MPSP ke arah pembentukan sebuah Bandaraya Rendah Karbon di Seberang Perai menjelang tahun 2022.

Terima kasih juga saya rakamkan kepada Kelab Lion Daerah 308 B2 Malaysia atas kerjasama dan sokongan yang diberikan untuk menjayakan pertandingan ini. Kepada sekolah-sekolah yang mengambil bahagian dalam Pertandingan Melukis Mural Sekolah Menengah saya harap anak-anak sekalian berusaha bersungguh-sungguh untuk menghasilkan mural yang cantik dan menarik. Semoga berjaya.

Sebagai mengakhiri kata-kata, dengan lafaz BISMILLAH saya dengan ini merasmikan Pertandingan Melukis Mural Sekolah Menengah.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.

Terima kasih.